

WARNA WARNI AIDILFITRI DI NEXUS *THE COLOURS OF AIDILFITRI@NEXUS*

Dengan tema Warna Warni Aidilfitri, Nexus telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada hari Khamis, 3 Jun 2021, berkonsepkan hiasan dan makanan ala Arab, India, Malaysia/Indonesia, Cina dan Brunei Darussalam sendiri. Sambutan diserikan lagi dengan persembahan nyanyian, pengumuman pemenang foto terbaik dan pondok terbaik keseluruhan disamping cabutan bertuah hadiah-hadiah yang disediakan oleh semua bahagian-bahagian dalam Nexus. Selain ahli-ahli pengurusan Nexus, majlis juga dihadiri oleh pihak pengurusan Komplek Annajat yang juga menjadi panel hakim bagi peraduan pondok terbaik.



Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, CEO Nexus dan para jemputan | *Nexus CEO and invited guests*

With the theme, Colours of Aidilfitri, Nexus held its Hari Raya Aidilfitri celebration on Thursday, June 3, 2021, showcasing Arabic, Indian, Malaysian/Indonesian, Chinese and Brunei Darussalam styles, decorations and food. The celebration was further graced by singing performances, announcements of the best photos and best overall booths as well as lucky draw prizes contributed by all divisions of Nexus. In addition to Nexus management, the event was also attended by the management members of Annajat Complex who were also judges for the best booth contest.



Rakan sekerja yang menyaksikan persembahan | *Associates watching the performances*

TERATAK BRUNEI DARUSSALAM DIISYTIHAR PONDOK TERBAIK

TERATAK BRUNEI DARUSSALAM ADJUDGED BEST BOOTH

Teratak Brunei Darussalam yang dibina oleh Syarikat Nexus Tech diisytihar sebagai pondok terbaik setelah penghakiman dijalankan bagi pemilihan tiga pondok terbaik semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri Nexus. Kriteria penghakiman termasuk kreativiti, kegigihan dalam pembuatan, makanan dan kostum yang bersesuaian dengan tema yang telah ditetapkan bagi bahagian masing-masing. Tempat kedua diasandang oleh pasukan Corporate Support dengan konsep Little India/Street of Mumbai manakala tempat ketiga disandang oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dengan konsep ala Timur Tengah (Arab).

Teratak Brunei Darussalam presented by Nexus Tech, was declared the best booth after judging was made for the selection of the top three best booths during the Nexus Hari Raya Aidilfitri celebration. The judging criteria includes creativity, effort, food and costumes in line with the theme set for each division. Second place was won by the Corporate Support team with Little India/Street of Mumbai concept while the third place was won by the Business Development Division with Middle Eastern (Arabic) concept.



Teratak Brunei (Pondok Terbaik) dan Little India/Street of Mumbai (Kedua)



Pondok Arab (Ketiga) dan China Town (Keempat)



Pondok Mal-Indo (Kelima)

KUCING BERPAKAIAN HARI RAYA DIPILIH SEBAGAI FOTO TERBAIK *CAT DONNING HARI RAYA COSTUME SELECTED AS BEST PHOTO*

Foto seekor kucing dikenakan pakaian Hari Raya yang dikemukakan oleh Auzee Haji Rosmadee dari CRU dipilih sebagai gambar terbaik dalam Peraduan Fotografi baru-baru ini yang dianjurkan sempena Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang mana keputusannya diumumkan semasa sambutan Warna Warni Aidilfitri di Nexus.

A photo submitted by Auzee Rosmadee from CRU was adjudged as the best photo in the recent Photography Contest organised in conjunction with Ramadhan and Hari Raya Aidilfitri and the result was announced during the Warna Warni Aidilfitri celebrations at Nexus.



Auzee Haji Rosmadee dari CRU





Md Rafidi Hj Md Jaya dari Case Support



Mohammad Fathullah dari Corporate Support



Siti Salmiah @Deeva dari Case Management





Hj Erifin Hj Mohd Yusof dari Business Development

BAKAT TERPENDAM NEXUS MEMBUAT PERSEMBAHAN DALAM WARNA WARNI AIDILFITRI *NEXUS HIDDEN TALENTS PERFORM AT WARNA WARNI AIDILFITRI*

Kakitangan dan rakan sekerja Nexus dari semua bahagian telah menyumbangkan lagu-lagu popular Hari Raya manakala mereka yang lebih menyerlah terus mengagumkan para hadirin dengan vokal masing-masing dengan dendangan lagu-lagu 'evergreen' Hari Raya.

Nexus staff and associates from various divisions were belting their hearts out at the Hari Raya celebrations at Nexus performing some of the most popular and evergreen Hari Raya songs while the more seasoned ones continued to wow their audience with their impressive vocals.





MAKANAN UNTUK SEMUA | *FOOD FOR EVERYONE*



.....TETAPI HADIAH HANYA UNTUK MEREKA YANG BERTUAH
.....BUT PRIZES ONLY FOR THE LUCKY ONES



